

Skim mySalam mesra rakyat


BH - 25/1/2019 mlb: 4

[FOTO BERNAMA]

➔ Langkah inovatif manfaat 3.69 juta golongan B40

Oleh Azura Abas, Mohd Husni Mohd Noor, Irwan Shafrizan Ismail dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@nstp.com.my

Putrajaya



Dr Mahathir menyaksikan penyerahan cek RM2 bilion daripada Great Eastern Holdings Berhad diwakili Hock Seng (dua dari kanan) kepada Guan Eng pada majlis perasmian Skim mySalam di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Dr Dzulkefly dan Amiruddin (kanan).

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun mewarisi beban kewangan yang besar dan berat, ia tidak menghalang kerajaan memperkenalkan pelbagai program mesra rakyat seperti Skim Perlindungan Nasional B40 (Skim mySalam).

Perdana Menteri berkata, Skim mySalam akan memberi manfaat kepada kira-kira 3.69 juta penerima terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) berusia antara 18 hingga 55 tahun yang juga penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat 2019 (BSHR).

Beliau berkata, kerajaan akan sentiasa memastikan setiap program mesra rakyat mencapai golongan sasaran ditetapkan, selain meringankan beban mereka yang memerlukan.

“Kita akan berusaha sedaya upaya untuk menjana dana bagi meringankan beban rakyat jelata.

“Bagi mencapai matlamat itu, kita turut mengambil langkah

inovatif dan alternatif.

“Usaha ini mula membuah hasil dan Skim mySalam membuktikan langkah inovatif dan alternatif itu mampu membantu mencapai matlamat untuk membantu rakyat.

“Saya berasa gembira kerana Skim mySalam ini adalah satu lagi inisiatif kerajaan untuk membantu isi rumah kumpulan pendapatan bulanan 40 peratus terendah (B40) di dalam kehidupan mereka sehari-hari,” katanya berucap merasmikan Skim mySalam di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Great Eastern Life Holdings Ltd,

Khor Hock Seng dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Bhd, Shahrul Azlan Shahrman.

Perluas pemilikan polisi

Katanya, Skim mySalam diperkenalkan kerana dasar insurans dan takaful di Malaysia menepati matlamat pembangunan yang ingin dicapai oleh kerajaan.

Dr Mahathir berkata, fokus kerajaan adalah memperluaskan jangkauan pemilikan polisi insurans dan takaful dengan memperkenalkan produk yang bersesuaian pada harga yang berpatutan.

“Pada 2017, kadar penembusan insurans dan takaful dalam kalangan B40 yang bekerja adalah masih rendah pada kadar 30.3 peratus berbanding dengan kadar 50.4 peratus bagi semua rakyat bekerja.

“Kita berharap mySalam dapat meningkatkan penembu-

san insurans dan takaful untuk golongan B40 kerana ini amat bermakna dan penting dalam usaha kita meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan kumpulan ini.

“Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan Pakatan Harapan merasai keperitan yang ditanggung oleh rakyat yang hilang mata pencarian akibat sakit atau kemalangan,” katanya.

Skim mySalam sudah bermula pada 1 Januari lalu dan penerima yang layak boleh membuat tuntutan mulai 1 Mac depan.

Selain Skim mySalam, Kementerian Kesihatan pula akan melancarkan Skim Peduli Kesihatan atau PeKa B40 pada minggu hadapan iaitu skim saringan kesihatan percuma untuk golongan B40 berusia 50 tahun dan ke atas membabitkan peruntukan sebanyak RM100 juta.